

Kemerdekaan dalam konteks 'Jungle School'

Oleh [Nazdy Harun](#) - Ogos 20, 2024 @ 3:18pm
bhnews@bh.com.my



Pelajar masyarakat Orang Asli Sungai Berua, ketika menjayakan Program Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Penghayatan Hari Merdeka Bersama Komuniti Orang Asli Kampung Sungai Berua, bersama Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

NSTP/Nazdy Harun

KUALA BERANG: Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melihat projek Sekolah Rimba atau 'Jungle School' sebagai pemangkin dalam usaha memerdekaan minda anak-anak masyarakat Orang Asli di perkampungan Sungai Berua, di sini.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMT, Prof ChM Dr Marinah Mohd Ariffin, berkata semua pihak perlu bersama-sama bergerak untuk memerdekaan pemikiran kanak-kanak generasi muda, terutama daripada kumpulan Orang Asli di sini bagi membolehkan mereka memahami dan erti kemerdekaan itu.

Katanya, UMT sudah bersama komuniti Orang Asli di sini sejak 2021 dan pelbagai program diadakan, terutama daripada Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari (IBTPL).

Katanya, menjadi hasrat pihaknya melihat kelestarian alam diturunkan kepada generasi muda dan masyarakat Orang Asli yang berada di dalam ekosistem yang lebih dekat dengan alam semula jadi.

"Kita tidak akan tinggalkan mereka walaupun pembangunan dijalankan dan dari aspek kecaknaan sebenarnya, pelbagai program dijalankan termasuk 'Jungle School'.

"Jadi, IBTPL banyak menjalankan program dengan kanak-kanak di sini supaya mereka dapat membiasakan diri dengan pendidikan," katanya ketika ditemui pada Program Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Penghayatan Hari Merdeka Bersama Komuniti Orang Asli Kampung Sungai Berua, di sini, hari ini.

Marinah berkata, pihaknya tidak mahu golongan berkenaan ketinggalan dalam pelajaran dan kaedah pembelajaran yang sesuai dengan cara hidup mereka diguna pakai untuk menarik minat mereka.

"Kalau di sekolah mereka tidak biasa duduk di dalam bangunan (seperti ini), kita buat sekolah dekat luar (pondok) bersesuaian dengan jiwa mereka yang selalu 'out door'.

"Kita juga boleh belajar mengenai apa yang mereka tahu selain menerapkan aspek pembangunan bahawa mereka juga boleh memajukan diri sekiranya keluar.

"Dalam program 'Jungle School', kita tidak boleh terap sepenuhnya kurikulum kepada mereka dengan kurikulum sekolah biasa yang mana program ini lebih santai serta fleksibel cara pengajarannya untuk menarik minat mereka ke sekolah," katanya.

Beliau turut memuji semangat guru yang tidak pernah berputus asa untuk membantu mendidik anak-anak masyarakat Orang Asli di sini.

"Kami di UMT akan selalu datang mengadakan program bersama kerana takut mereka hilang minat terhadap pendidikan selain mengurangkan keciciran pelajaran dalam kalangan mereka," katanya.